

CNS1590

R GB 09-06 00180 BA788

aab

MALAYSIA AKAN HANYA TANDATANGAN PERJANJIAN YANG BERI FAEDAH KEPADANYA
Mahathir - Rio

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Malaysia akan hanya menandatangani perjanjian-perjanjian yang sedang dirundingkan pada Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil sekiranya ia memberi faedah kepadanya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir, yang akan berlepas ke Rio de Janeiro, malam ini, untuk menyertai persidangan itu, berkata, Malaysia sedang mengkaji semua perjanjian yang ditawarkan itu.

+Kalau perjanjian itu ditulis dalam cara yang tidak menentukan sesuatu akan dibuat, tidak ada maknalah kalau kita tandatangan pun,+ katanya ketika ditanya pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penubuhan Pusat Teknologi Tayar Serantau antara Sime Darby dan Sumitomo Rubber Industries, Jepun, di sini hari ini.

Malaysia sebelum ini menyatakan pendiriannya tidak mahu menandatangani perjanjian mengenai kepelbagaian biologi dan perubahan cuaca kerana terdapat beberapa peruntukan yang tidak menepati matlamat perjuangannya.

Perdana Menteri berkata, sebagai contoh, perjanjian perubahan cuaca yang ditawarkan untuk ditandatangani tidak menunjukkan sebarang program yang tepat akan dibuat untuk mengurangkan kepanasan dunia. -- Lagi

▼09/06/16-38MST

CNS1594

R GB 09-06 00127 BA789

aab

Mahathir - Rio 2, Kuala Lumpur

Ketika ditanya kemungkinan Malaysia menukar pendiriannya berhubung kedua-dua perjanjian itu, beliau berkata, perkara itu sedang dikaji dan keputusan belum boleh dibuat lagi.

+Kita sedang kaji dengan mendalam kerana kita hendak supaya ia bermakna,+ kata beliau.

Bagaimanapun, beliau yakin Malaysia dapat menandatangani peraturan yang sesuai dengan keperluannya semasa di Rio nanti.

Mengenai anggapan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang Malaysia merupakan +pengacau+ pada persidangan yang dikenali secara rasmi sebagai Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) itu, beliau berkata, Malaysia berhak melakukan apa yang difikirkannya betul.

Katanya, tidak semua NGO yang beranggapan demikian dan Malaysia juga tidak mungkin mampu untuk berbaik-baik dengan semua orang. -- Lagi

▼09/06/16-40MST

CNS1602

R GB 09-06 00162 BA790

aab

Mahathir - Rio 3 Kuala Lumpur

Mengenai pendirian Amerika Syarikat yang dikatakan tidak begitu berminat kepada persidangan itu, beliau berkata, sekiranya negara yang mampu tidak mahu membiayai program-program yang dirancang oleh UNCED maka adalah sukar juga bagi negara-negara yang tidak mampu untuk turut sama berbelanja bagi tujuan tersebut.

Dr Mahathir juga menjawab satu pertanyaan mengenai tuntutan Cuepacs supaya kerajaan menepati janjinya dengan memberi bonus tahunan kepada semua pegawai dan anggota kerajaan hujung tahun ini.

Katanya, soal bayaran bonus tahunan itu hanya dapat diketahui tahun depan apabila angka-angka mengenai prestasi kewangan negara diperolehi.

Menurut beliau, kerajaan hanya berjanji akan memberi bonus tahunan kepada pegawai dan anggota kerajaan sekiranya prestasi kewangan negara mengizinkan.

Bulan lepas, Setiausaha Agung Cuepacs Encik A.H. Ponniah berkata, kerajaan perlu membayar bonus tahunan sekurang-kurangnya \$1,000 seorang kepada semua pegawai dan anggota kerajaan hujung tahun ini seperti yang dijanjikan ketika Perdana Menteri mengumumkan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB). -- Lagi

▼09/06/16-43MST

CNS1604

R GB 09-06 00090 BA791

aab

Mahathir - Rio 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Ponniah berkata, walaupun kerajaan menjanjikan bonus tahunan itu dengan syarat jika prestasi kewangan negara mengizinkan, Cuepacs berpendapat syarat itu terlalu subjektif untuk ditentukan.

Dr Mahathir berkata, soal sama ada syarat itu terlalu subjektif tidak timbul kerana prestasi kewangan negara boleh dilihat melalui angka-angka tepat mengenainya yang akan dikeluarkan tahun depan.

+Kita berjanji akan memberi bonus tahunan itu jika prestasi ekonomi negara baik dan kerajaan dapat mengutip cukai yang mencukupi tahun ini,+ katanya. -- Bernama

▼09/06/16-44MST